

# PKS halal perlu mahir e-dagang, ICT hadapi gelombang perniagaan baharu

KUALA LUMPUR: Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) halal perlu membuat persediaan sewajarnya bagi menghadapi gelombang perniagaan baharu yang menyaksikan ekonomi digital menjadi trend ekonomi masa depan.

Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Suhaimi Ab Rahman berkata ini termasuk memastikan mereka mahir dalam aspek perniagaan e-dagang selain cekap menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam perniagaan.

"Data menunjukkan hanya 20 peratus PKS bumiputera menceburi bidang ekonomi digital. Ini bermakna PKS bumiputera termasuk PKS halal masih ketinggalan jauh dan perlu bertindak segera bagi memastikan mereka dapat menceburi bidang ekonomi digital ini," katanya dalam kolumn Tinta Minda di laman sesawang [www.bernama.com](http://www.bernama.com).

Atas alasan itu, Suhaimi berkata agensi kerajaan seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah menyediakan pelbagai latihan berkaitan ekonomi digital yang perlu dimanfaatkan oleh usahawan PKS terbabit.

Malah, beliau berkata peluang tersebut wajar dimanfaatkan oleh kalangan usahawan PKS bagi memperkasakan ilmu ICT dalam perniagaan masing-masing ke arah platform digital.- Bernama